

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan semua peruntukan yang diagihkan bagi negeri Pulau Pinang bagi projek membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, peningkatan perkhidmatan feri, perkhidmatan bas awam seperti bas Rapid serta rancangan jangkamasa panjang bagi menambah baik kualiti perkhidmatan pengangkutan di negeri tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 - 2020), setakat ini tiada peruntukan perbelanjaan pembangunan yang diagihkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi negeri Pulau Pinang bagi tujuan penambahbaikan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang seperti pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), ataupun peningkatan perkhidmatan feri dan perkhidmatan bas awam.
2. Walau bagaimanapun di LTAPP, Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) telah membelanjakan lebih RM36 juta bagi kerja-kerja menurap landasan, penyelenggaraan bangunan, naik taraf parkir dan sistem-sistem berkaitan.
3. Kementerian melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bercadang untuk melaksanakan inisiatif Pas Bulanan Tanpa Had RM50 untuk bas dan feri di Pulau Pinang pada tahun 2019 sebagai salah satu inisiatif utama kerajaan dalam memenuhi manifesto kerajaan Pakatan Harapan. Pelaksanaan pas bulanan tanpa had tersebut dijangka dapat merangsang pertumbuhan penggunaan pengangkutan awam di samping meringankan beban rakyat terutamanya golongan M40 dan B40.
4. Untuk makluman juga, kertas kerja “Tadbir Urus dan Model Pembiayaan bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Bas Berhenti-henti” telah dibentangkan oleh APAD ke Mesyuarat Majlis Pengangkutan Negara (MPN) Bilangan 1 Tahun 2019 pada 5 Mac 2019. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah seterusnya APAD akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.